

MAHATHIR - BANDARAYA ''''

1984

KUALA LUMPUR, 21 MAC (BERNAMA) -- MALAYSIA AKAN MEMPUNYAI SEBUAH LAGI BANDARAYA DENGAN WUJUDNYA KELAK SEBUAH BANDARAYA BARU DEKAT JANDA BAIK DI PAHANG KIRA-KIRA 30 KILOMETER DARI KUALA LUMPUR, DATUK SERIDR MAHATHIR MOHAMAD MENGUMUMKAN HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA BANDARAYA ITU TERLETAK DI SATU KAWASAN TINGGI 450 METER (LEBIH 1,000 KAKI) AKAN MERUPAKAN BANDAR KEMBAR KEPADA KUALA LUMPUR.

KERJA-KERJA MEMBANGUNKANNYA AKAN DIJALANKAN SECEPAT MUNGKIN DAN SEPERTI BANOARAYA KUALA LUMPUR, PROSES PEHBANGUNANNYA AKAN BERJALAN SEPANJANG MASA.

DATUK SERIDR BERKATA BANDARAYA BARU ITU AKAN BERLANDASKAN KONSEP BANDAR TAMAN (GARDEN CITY) DAN PENDUDUKNYA AKAN MENIKMATI HAWA NYAMAN MEMANDANGKAN IA TERLETAK DI KAWASAN BUKIT.

''KITA BERHAJAT JIKA LAU ADAPUN PERUSAHAAN, HENDAKLAH PERUSAHAAN BERSIH DAN SEBEBERAPA BOLEH KITA AKAN MENGEKALKAN SEGALA POKOK DAN KAWASAN HUTAN SLMPAN DI SITU.

SEGALA PEMBANGUNAN AKAN MENGAMBIL KIRA KEADAAN HUTAN DAN ALAM SEKELILING, '' TAMBAHNYA. -- LAGI 1600/II
MAHATHIR-BANDARAYA 2 KUALA LUMPUR''''

PERDANA MENTERI BERKATA BANDAR ITU YANG MERUPAKAN SATU JAJAHAN WILAYAH PERSEKUTUAN TELAH DIRANCANG SEJAK AWAL LAGI DAN KABINET TELAH MEMBERI PERSETUJUAN UNTUK MENGWUJUDKANNYA.

RUNDINGAN TELAH DIJALANKAN DENGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG DAN OLEH KERANA PERSETUJUAN TELAH DICAPAI, KERAJAAN KINI TELAH MEMBEKUKAN SEGALA URUSAN TANAH DI SANA, KATANYA.

SATU JAWATAN KUASA PETUGAS TELAH DILANTIK DENGAN DIPENGERUSIKAN OLEH MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN, DATUK SHAHRLR SAMAO.

KATANYA PERBELANJAAN MEMBANGUNKANNYA SEDANG DIKAJITETAPI IA AKAN MEMPUNYAI PENYERTAAN SWASTA DENGAN KERAJAAN MENYEDIAKAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR.

DATUK SERIDR. MAHATHIR MENJELASKAN BANDAR BARU ITU DIWUJUDKAN MEMANDANGKAN TANAH DI WILAYAH PERSEKUTUAN TIDAK CUKUP MENAMPUNG PERTAMBAHAN PENYEROK DAN JUGA HARGA TANAH DI KUALA LUMPUR MENINGKAT NAIK TERLALU CEPAT.

OENGAN SIAPNYA BANOARAYA ITU, NEGARA AKAN MEMPUNYAI TIGA BUAH BANOARAYA DI BAWAH WILAYAH PERSEKUTUAN TERMASUK LABUAN YANG AKAN DI ISYTIHARKAN JAJAHAN WILAYAH PERSEKUTUAN PADA 15 APRIL.

-- BERNAMA 1633/LK